

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Khamis, 25 Mei 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
BAGI PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA
INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN
MAC 2023**

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar yang perlahan pada suku ketiga 2023 dengan indeks pelopor mencatatkan 110.1 mata pada Mac 2023

PUTRAJAYA, 25 MEI 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA: INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN BAGI FEBRUARI 2023**. Indeks Pelopor (IP) merupakan alat yang digunakan untuk menjangkakan kenaikan dan penurunan ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, “Ekonomi Malaysia dijangka bertumbuh dengan kadar perlahan pada beberapa bulan ke hadapan berdasarkan Indeks Pelopor (IP) yang menyusut 1.2 peratus kepada 110.1 mata pada Mac 2023 (Mac 2022: 111.4 mata) **(Paparan I)**. Prestasi IP terjejas disebabkan oleh penurunan yang ketara dalam Import Benar Semi Konduktor dan Indeks Perusahaan Bursa Malaysia. Perubahan bulanan IP juga mencatatkan penurunan sebanyak 1.1 peratus pada Mac 2023 berbanding 2.9 peratus pada bulan sebelumnya yang disebabkan oleh Jangkaan Nilai Jualan, Pembuatan (-0.6%) dan Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain (-0.5%).

Melihat kepada arah aliran jangka panjang terlicin pada Mac 2023, IP mencatatkan 99.3 mata berbanding 99.2 mata pada Februari 2023 **(Paparan II)**. Meskipun masih berada di bawah trend 100.0 mata, ekonomi dijangka berkembang secara sederhana dalam tempoh terdekat. Jangkaan itu mengambil kira cabaran global dan ketidakpastian domestik.

Indeks Serentak (IS) yang mencerminkan keadaan ekonomi semasa, meningkat 3.4 peratus kepada 121.9 mata pada Mac 2023 (Mac 2022: 117.9 mata). Peningkatan ini disumbangkan oleh semua komponen kecuali Kapasiti Penggunaan, Pembuatan. Pada masa yang sama, perubahan bulanan IS juga mencatatkan peningkatan 0.2 peratus, disokong terutamanya oleh Indeks Kuantiti Perdagangan Runcit (0.3%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengistiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*.

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
25 MEI 2023

LAMPIRAN I

Paparan I: Indeks Komposit Pelopor



Paparan II: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan

